

PRODUCT DISCLOSURE SHEET – EzyWasiat

Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your EzyWasiat.

Other customers have read this PDS and found it helpful; you should read it too.



Date: 30/07/2025

1. What Is EzyWasiat?

Maybank Islamic Berhad (“Maybank”) in a collaboration with the 3rd party digital wasiat provider, Createwills Sdn Bhd (“Createwills”) is offering a wasiat called EzyWasiat to Maybank’s customers. Through the collaboration, Maybank acts as an agent for Createwills.

Shariah Contract:

- **Wakalah:** An agency contract whereby Maybank acts as an Agent to facilitate the wasiat writing process.
- **Wasiat:** Wasiat is a declaration of a Muslim made during his/her lifetime with respect to his/her property or benefit thereof, to be carried out for the purpose of charity or for any other purpose permissible by Shariah after his/her death.
- **Faraid:** Faraid is a section of Islamic law that deals with the distribution of the estate of a deceased person among the heirs in accordance with Shariah principles.

What Are The Features Of This Services?

- (1) Fast and easy process flow which enables customers to complete their wasiat easily with the assistance of Relationship Manager and Personal Financial Advisor within 24 hours of the business working day.
- (2) The operating model for this arrangement is based on salesperson assisted approach.
- (3) Pre and Post sales services inclusive of Shariah advisory.
- (4) Built-in automated faraid algorithm according to faraid law as specific by relevant State Islamic Religious Council and approved by the Maybank Islamic Berhad Shariah Committee.
- (5) The EzyWasiat can be updated and amended anytime for life to meet the needs of Muslim family. The amendments can be done by contacting Maybank salespeople i.e. Relationship Manager or Personal Financial Advisor.

Who Can Subscribe To Ezywasiat?

Any Muslim who is:

- Of sound mind.
- A Malaysian Citizen.
- 18 years and above in Peninsular Malaysia and Sarawak and 21 years and above in Sabah.
- Able to understand the nature and purpose of making EzyWasiat.

2. Know Your Costs

Services	Fees & Charges
EzyWasiat Writing fee	RM600
Wasiat Amendment fee (optional)	RM50 per amendment <i>(will be charged for the request after the first 3 months of EzyWasiat subscription)</i>

*Notes: Through the collaboration, Maybank acts as an agent for Createwills to market the EzyWasiat product for an agreed wakalah fee of RM455.

3. Know Your Responsibility

- You must ensure all information provided are correct, clear and comprehensive.
- You must provide all the information required for the salesperson to capture and key in into the platform.
- You must verify all the information key in by the salespeople before making any payment for the EzyWasiat fees and other EzyWasiat services (if any).
- You must ensure the EzyWasiat document is signed by the witnesses, otherwise the EzyWasiat document is not valid.
- To inform if there is any changes in contact information and/or address
- To inform immediate family/beneficiaries of the EzyWasiat

4. Know Your Risks

- There is a possibility that the heirs are not aware of the creation of the EzyWasiat by the Testator. The heirs may have proceeded with the estate distribution process via the normal procedures without knowing the existence of the EzyWasiat.
- The heirs may contest the contents of the EzyWasiat and change the apportionment of the estate with approval from all the heirs. This may delay the process if there are any heirs who object the contents of the EzyWasiat.
- The EzyWasiat may be rendered invalid under the law if the EzyWasiat documents are not signed by the witnesses.

5. Other Key terms

You may cancel the subscription at your end at any time. However, there is no refund of fee to be made upon cancellation.

If you have any questions or require assistance on EzyWasiat, you can:



Call us at
1-300-88-6688



Email at
wealthdistribution@maybank.com



Visit website at
https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/wealth/iwm/wealth_distribution/ezywasiat.page

Customer Declaration & Acknowledgment

I hereby confirm that I have read, understood, and acknowledged the contents of this Product Disclosure Sheet. I comprehend the key terms, conditions, benefits, risks, and obligations associated with this product, as outlined in the document.

Date:

Signature:

HELAIAN KETERANGAN PRODUK- EzyWasiat

Pelanggan Yang Dihormati,

Helaian Keterangan Produk ini memberikan anda maklumat penting mengenai EzyWasiat.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Keterangan Produk ini dan mendapati ia sangat membantu; anda juga digalakan untuk membacanya.



Tarikh: 02/07/2025

1. Apakah EzyWasiat?

Maybank Islamic Berhad ("Maybank") bekerjasama dengan Createwills Sdn Bhd ("Createwills") untuk menawarkan produk wasiat yang dikenali sebagai EzyWasiat kepada pelanggan. Dalam kerjasama ini, Maybank bertindak sebagai ejen kepada Createwills untuk memasarkan produk tersebut.

Kontrak Syariah:

- **Wakalah:** Kontrak agensi di mana Maybank dilantik oleh pewasiat sebagai ejen untuk memudahcarakan urusan penulisan wasiat.
- **Wasiat:** Wasiat merujuk kepada deklarası seseorang Muslim yang dibuat semasa hayatnya ke atas harta dan manfaatnya untuk disempurnakan atas sebab kebajikan atau sebab lain yang menurut Syariah selepas dia meninggal dunia.
- **Faraid:** Faraid merujuk kepada undang-undang Islam berkaitan dengan pengurusan harta pusaka si mati terhadap waris selaras dengan prinsip Syariah.

Apakah Ciri-Ciri Produk Ini?

- (1) Proses yang cepat dan mudah yang membolehkan pelanggan melengkapkan penulisan wasiat dalam tempoh masa 24 jam pada hari bekerja.
- (2) Model operasi untuk kerjasama ini adalah berdasarkan pendekatan bantuan dari kakitangan jualan dari Maybank.
- (3) Perkhidmatan sebelum dan selepas jualan termasuk perkhidmatan nasihat Syariah.
- (4) Pengiraan faraid secara automatik menggunakan algoritma berlandaskan hukum faraid seperti yang dinyatakan oleh Majlis Agama Islam Negeri yang berkaitan dan di luluskan oleh Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Berhad.
- (5) EzyWasiat boleh dikemaskini dan diubahsuai pada bila-bila masa sepanjang hayat bagi memenuhi keperluan keluarga Muslim. Pindaan boleh di lakukan dengan menghubungi kakitangan jualan Maybank iaitu Pengurus Perhubungan atau Penasihat Kewangan Peribadi

Siapakah Yang Boleh Melanggan EzyWasiat?

Seorang Muslim:

- Berfikiran waras.
- Warganegara Malaysia.
- Berumur 18 tahun dan keatas untuk Semenanjung Malaysia dan Sarawak dan berumur 21 tahun dan ke atas untuk Sabah.
- Dapat memahami sebab dan tujuan menulis EzyWasiat.

2. Ketahui Kos Anda

Perkhidmatan	Yuran & Caj
Yuran Penulisan EzyWasiat	RM600
Yuran Pindaan EzyWasiat (pilihan)	RM50 bagi setiap pindaan (akan dicaj hanya untuk permintaan yang dibuat selepas 3 bulan langganan EzyWasiat)

*Nota: Melalui kerjasama ini, Maybank bertindak sebagai ejen kepada Createwills untuk memasarkan produk EzyWasiat dengan bayaran wakalah yang dipersetujui berjumlah RM455.

3. Ketahui Tanggungjawab Anda

- Anda mesti memastikan semua maklumat yang diberikan adalah betul, jelas dan menyeluruh.
- Anda mesti memberikan semua maklumat yang diperlukan untuk dimasukkan ke dalam platform wasiat oleh kakitangan jualan Maybank.
- Anda mesti mengesahkan semua informasi yang telah dimasukkan oleh kakitangan jualan Maybank sebelum membuat pembayaran untuk yuran EzyWasiat dan perkhidmatan EzyWasiat yang lain (jika ada).

4. Ketahui Risiko Anda

- Risiko utama yang terlibat ialah terdapat kemungkinan waris tidak mengetahui tentang EzyWasiat yang dibuat oleh pewasiat. Waris mungkin telah melaksanakan proses pembahagian harta pusaka secara prosedur biasa tanpa mengetahui kewujudan EzyWasiat.
- Waris boleh mempertikaikan kandungan wasiat dan menukar pembahagian harta pusaka dengan persetujuan daripada semua waris. Ini akan melambatkan proses sekiranya terdapat waris yang membantah isi kandungan EzyWasiat tersebut.
- EzyWasiat boleh menjadi tidak sah di bawah undang-undang jika dokumen EzyWasiat tidak ditandatangani oleh saksi.
- Memaklumkan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat perhubungan dan/atau alamat.
- Memaklumkan kepada ahli keluarga/penerima wasiat mengenai EzyWasiat.

5. Terma Utama Lain

Anda boleh membatalkan langganan anda pada bila-bila masa. Bagaimanapun, tiada pembayaran balik yuran akan dibuat selepas pembatalan.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau sebarang bantuan mengenai EzyWasiat, anda boleh:



Menghubungi kami di
1-300-88-6688



E-mel di
wealthdistribution@maybank.com



Lawati laman web di
https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/wealth/iw/m/wealth_distribution/ezywasiat.page

Pengakuan & Pengesahan Pelanggan

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan mengakui kandungan Helaian Keterangan Produk ini. Saya faham terma utama, syarat, kos, risiko serta tanggungjawab yang berkaitan dengan produk seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini.

Tarikh:

Tandatangan: